Jom Sertai Kumpulan Wanita K-pop KIIRAS untuk Percutian Istimewa di atas Kapal Persiaran *Genting Dream*!



Kumpulan wanita K-pop KIIRAS membuat persembahan LIVE di atas kapal persiaran *Genting Dream* dari 25 hingga 27 Oktober 2026.

[12 Oktober 2026, Singapura] – Peminat K-pop kini berpeluang untuk melihat KIIRAS dalam suasana yang berbeza! Kumpulan wanita K-pop yang semakin mendapat perhatian ini bakal membuat **penampilan istimewa bersama Dream Cruises di atas kapal persiaran *Genting Dream*** untuk pelayaran **2 malam dari Singapura ke Melaka, dari 25 hingga 27 Oktober 2026**.

Dengan persembahan yang penuh tenaga dan gaya yang tersendiri, **KIIRAS** bakal menghidupkan suasana di atas kapal persiaran *Genting Dream* menerusi **persembahan LIVE dan sesi "Meet & Greet" eksklusif**. Pelayaran ini menjadi peluang untuk para peminat **bertemu dengan anggota kumpulan secara lebih dekat, menikmati masa bersama rakan-rakan serta merasai pengalaman K-pop dalam suasana yang unik di tengah lautan.**

> *"Seronok dapat membawa KIIRAS ke atas kapal persiaran Genting Dream dan memberi peluang kepada para peminat untuk melihat mereka beraksi serta bertemu secara lebih dekat,"* **kata Michael Goh, Presiden StarDream Cruises.** *"Sempena ulang tahun ke-10 Dream Cruises, kami mahu terus membawa sesuatu yang baharu dan menarik kepada tetamu kami. Kami harap peminat-peminat KIIRAS dapat menikmati pelayaran ini bersama rakan-rakan, sambil mencuba pelbagai aktiviti dan hiburan yang kami sediakan di atas kapal."*

Pelayaran istimewa ini merupakan sebahagian daripada **sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises**, yang diteruskan sepanjang tahun dengan pelbagai hiburan, pengalaman dan aktiviti khas di atas kapal persiaran *Genting Dream*.

Persembahan KIIRAS secara Live di Laut

Antara tarikan utama pelayaran ini ialah **persembahan LIVE KIIRAS di *Main Pool* (kolam renang utama di atas kapal), *Genting Dream*. Persembahan ini boleh dinikmati secara percuma oleh semua tetamu yang menyertai pelayaran ini**.

Selepas itu, masih banyak lagi yang boleh diterokai di atas kapal persiaran *Genting Dream*. Tetamu boleh mencuba **gelongsor air, bersantai di kolam renang, menguji keberanian di "rock climbing"** dan menikmati pelbagai lagi aktiviti serta hiburan sepanjang pelayaran.

Sesi “Meet & Greet” Bersama KIIRAS

Nak jumpa KIIRAS dengan lebih dekat? Peminat juga boleh menyertai sesi **“Meet & Greet” eksklusif** bersama kumpulan ini di Lobi Utama di atas kapal. Inilah peluang untuk bertemu dengan anggota KIIRAS dan membawa pulang kenangan istimewa daripada pelayaran ini. Sama ada anda sudah lama mengikuti KIIRAS atau baru sahaja mengenali kumpulan ini, jangan lepaskan peluang untuk **bertemu dengan mereka secara dekat dan berkongsi pengalaman bersama peminat lain** dalam suasana pelayaran yang pastinya berbeza daripada biasa.

10 Tahun bersama Dream Cruises, Sambutan di Laut

Sempena **ulang tahun ke-10 Dream Cruises**, *Genting Dream* terus menghadirkan pelbagai pengalaman istimewa yang menggabungkan hiburan, percutian dan aktiviti untuk dinikmati bersama keluarga dan rakan-rakan.

Dengan **persembahan LIVE KIIRAS secara percuma, sesi “Meet & Greet” eksklusif dan dua malam belayar di laut**, inilah masa untuk menikmati K-pop, berseronok dengan rakan-rakan dan mencipta kenangan istimewa bersama KIIRAS.

Dah bersedia untuk sertai kumpuran KIIRAS? Tempah pelayaran anda sekarang di www.StarDreamCruises.com.

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran yang Paling Mengenali Asia.

StarDream Cruises menghimpunkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran dan hospitaliti, dengan pelbagai pelayaran merentasi Asia serta ke destinasi pilihan di rantau ini dan sekitarnya. StarDream Cruises menampilkan dua jenama ikonik — StarCruises dan Dream Cruises — masing-masing dengan identiti tersendiri yang mencerminkan pengalaman pelayaran yang unik, sambil meneruskan warisan dan kepakaran yang telah dibina sejak sekian lama dalam industri ini.

StarCruises menawarkan pengalaman pelayaran yang berteraskan penerokaan, membawa tetamu ke pelbagai destinasi di atas kapal bersaiz sederhana, *Star Voyager* dan *Star Navigator*. Dengan kapasiti sekitar 2,000 tetamu, kapal-kapal ini menawarkan suasana pelayaran yang lebih intim, sambil belayar merentasi Asia Tenggara, Asia Timur Laut dan destinasi lain. Ini memberi peluang kepada para tetamu untuk meneroka lebih banyak tempat dan menikmati pengalaman baharu sepanjang pelayaran.

Seiring dengan itu, Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran yang lebih luas dan pelbagai, dengan kapal persiaran yang lebih besar dan berkapasiti 3,500 tetamu atau lebih. Tetamu boleh menikmati pelbagai pilihan hiburan, sajian, aktiviti riadah dan pengalaman di atas kapal. *Kapal utamanya, Genting Dream*, beroperasi dari Singapura sepanjang tahun, menawarkan pelbagai pelayaran ke destinasi di Asia Tenggara.

Bagi kedua-dua jenama, The Palace menawarkan pengalaman yang lebih mewah dan eksklusif melalui konsep Kapal-Dalam-Kapal, dengan bilik suite yang lebih luas, perkhidmatan butler 24 jam dan pelbagai keistimewaan untuk memberikan keselesaan, privasi dan layanan yang lebih peribadi.

For media enquiries, please contact: -

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com